

PANORAMA

Kosmo!

Impresi Kehidupan

26 OGOS 2018





Erti pengorbanan penderma organ

20 Lelaki lengan emas selamatkan 2.4 juta bayi

51 Enam tahun bersekedudukan sebelum berkahwin

Sinar kehidupan penerima organ

EKSTRA

Pendermaan buah pinggang

• Terdapat dua jenis pembedahan pendermaan buah pinggang iaitu secara laparoskopi

Pengorbanan yang dilakukan seorang isteri, abang ipar kepada insan tersayang membolehkan pesakit buah pinggang pulih dan jalani kehidupan normal.

OLEH ROSLI HASSAN



DEMI masa depan anak dan suami, Nur Asyikin (kanan) tekad menderma salah satu buah pinggangnya kepada suami, Mohamad Rafi.

sebagai alat secara laparoskopik dan pembedahan secara biasa melalui abdomen

- Pembedahan biasa melibatkan bukaan pembedahan sepanjang 15-20 sentimeter pada bahagian kiri atau kanan abdomen. Kulit serta otot yang terlibat perlu dibedah bagi mengeluarkan buah pinggang
- Pembedahan secara laparoskopik melibatkan peralatan laparoskop iaitu sejenis alat yang berbentuk tiub

- Penggunaan alat ini membolehkan luka pembedahan untuk mengeluarkan buah pinggang lebih kecil
- Kelebihan utama teknik pembedahan laparoskopik adalah tempoh pemulihan lebih cepat dan kurang rasa sakit
- Pakar bedah akan berbincang mengenai jenis pembedahan yang sesuai bergantung kepada kepakaran yang ada serta kesesuaian penderma atau buah pinggang

Foto **ABDUL NAZIR MOHAMED** dan **NUR AISYAH MAZALAN**

Oleh **ROSLI HASSAN** dan **MOHD. IZUAN ROSELI**

“**D**EMI melihat kedua-dua anak saya dapat membesar dengan baik bersama ayah mereka, saya tekad menderma salah satu buah pinggang kepada suami.”

Demikianlah pergorbanan yang dilakukan Nur Asyikin Mohamad, 32, kepada suami tercinta, Mohamad Rafi Mohd. Isa, 32, yang mengalami masalah kegagalan buah pinggang sejak 2011.

Menurut Nur Asyikin, suaminya tidak dapat melayan anak-anaknya dengan sempurna ketika mengalami masalah buah pinggang selain banyak menghabiskan banyak masa menjalani rawatan hemodialisis di Hospital Enche Besar Hajah Kalsom, Kluang, Johor.

“Saya ingin melihat suami menjalani kehidupan normal sebagai seorang ayah dan menghabiskan masanya bermain bersama anak-anak seperti orang lain.

“Disebabkan itu dan demi masa depan kami sekeluarga, saya tekad berkorban mendermakan buah pinggang kepada suami,” katanya ketika ditemui kru *Panorama* di Kluang baru-baru ini.

Bercerita lanjut, Nur Asyikin meberitahu, cinta mereka berputik



RAFÍ selepas selamat menjalani pembedahan pemindahan buah pinggang di HKL pada 19 September tahun lalu.



NUR ASYIKIN (kiri) bersyukur berpeluang hidup gembira bersama suami, Mohamad Rafi dan dua anak mereka selepas selamat menjalani pembedahan pemindahan buah pinggang.

ketika sama-sama belajar di Universiti Utara Malaysia pada tahun 2006 hingga 2010.

“Ketika itu, suami masih sihat, namun dia kemudian didiagnosis mengalami masalah buah pinggang pada tahun 2011 iaitu ketika mula-mula bertugas sebagai guru.

“Disebabkan masalah kesihatan ini, kami mengambil keputusan untuk segera bertunas sebelum melangsungkan majlis perkahwinan pada tahun 2012.

“Sebelum kahwin, saya telah memasang niat untuk memberi salah sebuah buah pinggang seandainya suami tidak dapat mencari penderma buah pinggang yang sesuai,” katanya yang kini bertugas sebagai seorang guru kaunseling di Sekolah Menengah Sains Sembrong, Kluang.

Berasa sedih


Ceritanya, disebabkan tidak dibenarkan mengandung selepas menderma organ, hasratnya itu terpaksa ditangguhkan sebelum dia mengutarakan niatnya itu semula semasa anak keduanya berusia enam

“Pada masa itu, tiada ahli keluarga terdekat suami yang sesuai menjadi penderma. Apabila ujian menunjukkan saya sesuai sebagai penderma, saya rasa amat gembira dan bersyukur kerana akhirnya dapat membantu suami,” katanya.

Bagi Mohamad Rafi, dia pada mulanya berasa sedih dan tidak membenarkan isteri mendermakan buah pinggang kepadanya.

“Ini kerana, saya bimbang berlaku perkara yang tidak diinginkan sehingga menyebabkan kedua-dua anak kami menjadi yatim piatu.

“Namun, selepas dipujuk isteri, saya akhirnya bersetuju dan membenarkan isteri menderma buah



KOSMO 26/09/2014 M/S 15

PADLI (kiri) dan Azrel seminggu selepas mereka selamat menjalani pembedahan pemindahan buah pinggang di HKL pada 26 September tahun lalu.



KESAN parut pembedahan pemindahan buah pinggang pada bahagian perut Azrel.

AZREL (kanan) kini dapat menjalani kehidupan normal selepas menerima buah pinggang daripada Padli.

Bercerita mengenai pembedahan pemindahan buah pinggang berkenaan, Mohamad Rafi mengakui berdepan pelbagai cabaran sebelum ia berjaya dilakukan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) pada 19 September tahun lalu.

"Sebelum pembedahan dilakukan, doktor ada memberitahu beberapa risiko yang bakal dihadapi penderma dan penerima termasuk kematian sekiranya pendarahan berlaku semasa pembedahan.

serius dihadapi dirinya dan suami. "Saya gembira dengan pengorbanan ini, lebih-lebih lagi dapat melihat suami kembali menjalani kehidupan normal apabila dia kini boleh makan dan minum seperti sebelum dia sakit. "Dia juga kini boleh mendukung anak dan dapat menghabiskan masa dengan lebih banyak bermain dengan dua anak kami, Muhamad Aniq Rifki (6 tahun) dan Nur Adra Rania yang kini telah menginjak usia empat tahun," katanya.

dia seorang yang sihat dan aktif bersukan. "Ketika itu, hati saya tergerak untuk menderma buah pinggang agar Azrel dapat kembali sihat seperti yang saya kenali dahulu," katanya sambil menjelaskan pembedahan pemindahan buah pinggangnya kepada Azrel selamat dilakukan pada 26 September tahun lalu di HKL. Jelasnya, keputusan menderma buah pinggangnya itu dibuatnya sendiri tanpa mendapat sokongan atau paksaan daripada mana-mana

untuk menerima buah pinggang baharu selepas mengetahui buah pinggang Padli telah selamat dikeluarkan. Jelasnya lagi, dia kini boleh kembali menjalani kehidupan normal tanpa perlu menjalani rawatan hemodialisis selama empat jam setiap sesi, tiga kali seminggu selain tidak perlu lagi mengawal pengambilan air dan makanan. "Sebelum ini, saya perlu mengawal pengambilan air iaitu tidak melebihi 600 mililiter sehari selain mengurangkan

buah pinggang isteri dilakukan mulai pukul 8.30 pagi. Bagaimanapun, berlaku sedikit kesukaran mengeluarkan buah pinggang isteri menyebabkan sedikit bahagian hujung tulang rusuk isteri terpaksa dipotong.

"Bagaimanapun, saya amat bersyukur kepada Allah apabila pembedahan pemindahan buah pinggang ini akhirnya selesai dengan selamat pada pukul 4.30 petang," katanya.

Nur Asyikin memberitahu, selepas berjaya menjalani pembedahan, keadaan kesihatan Mohamad Rafi beransur pulih dan tiada sebarang komplikasi yang

Kembali normal

Sementara itu, di Seri Kembangan, Selangor, seorang lagi penderma, Padli Saed, 49, sanggup menderma buah pinggang kepada adik iparnya, Azrel Ramadian Amir, 41, walaupun mereka sekadar ipar.

Menurut Padli yang merupakan penjawat awam di Jabatan Pendidikan Putrajaya, dia terpenggil untuk menderma buah pinggangnya selepas melawat Azrel yang sakit di hospital pada tahun 2014.

"Masa itu saya lihat muka Azrel sembap dan kulitnya pucat sedangkan sebelum ini

paksa dan daripada mana-mana pihak termasuk isterinya yang merupakan kakak Azrel.

"Pada hari pembedahan, hati saya sangat berdebar-debar kerana saya tidak pernah menjalani pembedahan sebelum ini.

"Keseluruhan proses pembedahan pemindahan buah pinggang saya kepada Azrel mengambil masa selama enam jam. Sebaik semuanya selesai, saya rasa sangat bersyukur dan gembira kerana hasrat membantu Azrel akhirnya tercapai," katanya.

Dalam pada itu, Azrel menjelaskan, pada hari pembedahan, dia sangat teruja

senari selain mengurangkan makanan berprotein tinggi seperti kekacang dan daging.

"Paling membuatkan saya merasa lega, saya juga boleh membuang air kecil kembali seperti biasa," katanya.

Tambah Azrel, sebelum Padli, beberapa ahli keluarga terdekatnya telah menjalani ujian, namun tiada yang sesuai untuk menjadi penderma buah pinggang atas beberapa faktor.

"Saya amat bersyukur dan berterima kasih kepada Padli kerana sanggup berkorban untuk menderma salah satu buah pinggangnya kepada saya," katanya.

Tahap kesedaran derma organ masih rendah

TAHAP kesedaran rakyat negara ini terhadap menderma organ termasuk buah pinggang masih rendah kerana ramai yang tidak faham sepenuhnya mengenai kebaikan yang dapat diperolehi dengan berbuat demikian.

Pakar Perunding Nefrologi Hospital Kuala Lumpur, Dr. Rosnawati Yahya berkata, menderma organ dapat memberi peluang kepada pesakit yang mengalami masalah kegagalan organ seperti buah pinggang untuk hidup lebih lama berbanding pesakit yang tidak melakukan pemindahan organ.

Selain itu, menurutnya, pesakit yang menjalani pemindahan organ juga dapat menjalani kehidupan yang lebih berkualiti.



ROSNAWATI

"Pelbagai kenyataan tidak tepat sering didengari seperti menderma organ haram di sisi Islam sehingga menyebabkan mereka yang beragama Islam berasa was-was.

"Sedangkan Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengeluarkan kenyataan bahawa menderma organ dibenarkan, malah diharuskan untuk berbuat sedemikian," katanya ketika dihubungi kru *Panorama*

baru-baru ini.

Jelasnya, ramai yang beranggapan menderma organ semasa hidup seperti buah pinggang akan menjejaskan kehidupan mereka selain berhadapan dengan pelbagai komplikasi penyakit lain.

"Kompilasi selepas menderma buah pinggang adalah sangat rendah dan selamat dilakukan bukan sahaja kepada pesakit malah penderma. Penderma juga akan hidup sihat sama seperti sebelum menderma organ," katanya.

Tambahnya, penilaian juga akan dilakukan terlebih dulu terhadap penderma organ bagi memastikan mereka benar-benar sihat dan sesuai untuk menjalani pembedahan pemindahan organ.

"Untuk menggalakkan lebih ramai tampil menjadi penderma organ, pihak Kementerian Kesihatan telah melakukan pelbagai inisiatif seperti keistimewaan rawatan kelas satu secara percuma di hospital kerajaan," katanya.